

Enapter Perkenal Alat Elektrolisis Baharu EL 2.1

Reka bentuk baharu, saiz dikurangkan, kecekapan tenaga ditingkatkan



TOKYO, 26 Februari 2020 -- Hari ini, Enapter memperkenalkan model baharu alat elektrolisis AEM berpaten, EL 2.1 di Ekspo Hidrogen dan Sel Bahan Api Antarabangsa 2020 di Tokyo. Hanya lebih kurang setahun selepas Enapter memperkenalkan alat elektrolisis pertamanya, penjana hidrogen generasi baharu ini menambah baik dengan ketara reka bentuk pendahulunya. EL 2.1 menggunakan 8 peratus kurang tenaga dan jauh lebih kecil, yang ditunjukkan kepada pengurangan keperluan ruang sebanyak 20 peratus.

Pendekatan unik Enapter terhadap penjanaan hidrogen adalah untuk mengeluarkan alat elektrolisis yang seragam, boleh diskala dan fleksibel. "Dengan reka bentuk baharu, EL 2.1 adalah jauh lebih kompak bagi membolehkan penyepadu sistem menggunakan alat elektrolisis modular kami dalam semua jenis aplikasi termasuk simpanan tenaga, *Power-to-X*, pengisian semula bahan api atau kegunaan industri yang lain," umum Jan-Justus Schmidt, Ketua Bahagian Operasi di Enapter, lantas menyambung: "Model baharu ini mempunyai penggunaan kuasa pengendalian dan tunggu sedia yang jauh lebih rendah, yang dapat meningkatkan kecekapan tenaga serta keberkesanan kos untuk penyelesaian keseluruhan pelanggan kami."

Enapter turut mengeluarkan versi terkini Sistem Pengurusan Tenaga (EMS) tentuan perisiannya yang memudahkan dan mempercepatkan lagi penyepaduan modul. EL 2.1 ialah sistem pertama yang secara natifnya menggunakan EMS, mendayakan alat elektrolisis tersebut dalam sebarang jenis persediaan sistem. Perisian ini menjadikan sistem tenaga lebih cekap, andal dan mampan melalui kemajuan dalam ketersambungan, analitik data dan pengurusan aliran menggunakan sekuriti gred-industri melalui Enapter Cloud.

Enapter mempamerkan EL 2.1 mulai hari Rabu, 26 Februari hingga Jumaat, 28 Februari di Ekspo FC di reruai W20-78, Dewan Barat 4F.

Latar Belakang Enapter

Enapter mengeluarkan penjana hidrogen modular yang amat cekap menggunakan elektrolisis Membran Pertukaran Anion (AEM). Teknologi terasnya mempunyai rekod prestasi terbukti selama 10 tahun. Ia merupakan asas kepada alat elektrolisis unik yang kompak dan berkos rendah. Ia digunakan di peringkat antarabangsa dalam industri-industri seperti tenaga, mobiliti, telekomunikasi, haba dan banyak lagi. Enapter mempunyai pejabat-pejabat di Itali, Jerman, Thailand dan Rusia. www.enapter.com

Vaitea Cowan
Ketua Bahagian Komunikasi
vaitea@enapter.com
(+49) 030-339-413-80